



SHAHRIL diiringi Zamri dan Azrie (kanan) mendengar masalah yang diajukan pelajar ketika mengadakan dialog dengan pelajar UMS Labuan, malam Khamis.

Pelajar UMS-KAL berdialog dengan Timbalan Naib Canselor

UB 22.09.2012 B6

LABUAN: Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Dr Shahril Yusof telah mengadakan dialog bersama pelajar UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) di dewan utama universiti itu, malam Khamis.

Turut hadir Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohamad Tuah, Penolong Pendaftar Kanan Pentadbiran, Musnin Mattersah dan Penolong Jurutera Kanan, Mohd Azrie Tanjong.

Shahril berkata, pengurusan UMS yang diketuai Naib Canselor, Prof Dr Mohd Harun Abdullah, sentiasa prihatin dan peka terhadap masalah yang dihadapi pelajar UMS-KAL.

Katanya, sebarang aduan yang disampaikan kepada pegawai dan kakitangan UMS-KAL turut diketahui oleh pengurusan tertinggi UMS termasuk Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Ismail Ali.

Beliau berkata, semua aduan berkaitan masalah pelajar termasuk isu kolej



SHAHRIL

kediaman, kafetaria, kemudahan sukan, bilik kuliah, masjid dan keselamatan akan diberi perhatian segera oleh pengurusan universiti.

"Pengurusan UMS akan sentiasa menjaga kebijakan dan prihatin dengan masalah yang dihadapi pelajar di UMS Labuan," katanya.

Sehubungan itu, Shahril meminta pelajar mengadukan masalah yang mereka hadapi kepada pegawai dan jabatan yang berkaitan melalui prosuder yang telah ditetapkan termasuk menggunakan aduan rasmi seperti e-aduan.

Bagaimanapun, beliau berharap pelajar memahami peraturan yang ditetapkan kerajaan dan pengurusan UMS kerana sebarang projek pembangunan dan penyelenggaraan perlu mengikuti prosedur yang sedia ada.

Selain itu, tambahnya, projek pembinaan, menaiktaraf kemudahan di kampus itu serta penyelenggaraan mengambil masa tertentu kerana ia turut membabitkan pihak lain seperti kontraktor yang kadang kala menghadapi masalah bahan binaan yang dibawa dari Sabah.

"Ketika ini, kita sedang membina dewan kuliah dan menaiktaraf beberapa kemudahan kolej kediaman, kemudahan ICT, bilik kuliah, kemudahan sukan dan kafetaria," katanya.

Ketika ini, terdapat kira-kira 2,000 pelajar termasuk 800 pelajar baru sesi akademik 2012/2013 sedang melanjutkan pelajaran di Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) dan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL).